




Lumpur dan sampah yang ditinggalkan selepas banjir di Kampung Salak, Batu 10, Gombak.

[FOTO YONG CHEE CHONG|BERITA HARIAN]

JPS pasang batu sangkar di Sungai Gombak 2013

? Kami penduduk di Kampung Sungai Salak Batu 10, berdekatan tebing Sungai Gombak kecewa kerana permohonan memasang batu sangkar di tebing sungai itu bagi mengelak banjir, tidak diberi perhatian sewajarnya.

Mohon keadilan
Gombak, Selangor

! Kita akui kawasan itu terletak di kawasan rendah dan semula jadi mudah

dinaiki air. Berikutan itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memperuntukkan RM300,000 bagi mengatasi masalah banjir di kawasan berkenaan tahun depan.

Jadi, permohonan penduduk untuk membina batu sangkar di tebing Sungai Gombak akan dimasukkan dalam perancangan JPS bagi tahun depan.

Jurucakap JPS
Selangor



Sungai Gombak yang menjadi **punca banjir kilat** di Kampung Salak, Batu 10.



**SUARA
KOMUNITI**

Suara Komuniti mengetengahkan masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Sila hantarkan aduan anda ke Suara Komuniti Berita Harian, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur atau e-mel ke **suarakomuniti@bharian.com.my**.